KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Panduan

MENJALANKAN PENTAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK DI TAPAK PEMBINAAN 2026



Panduan

MENJALANKAN PENTAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK DI TAPAK PEMBINAAN 2026



Cetakan Pertama

Panduan Menjalankan Pentaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik Di Tapak Pembinaan 2026.

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa-apa bentuk atau kaedah, sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuklah salinan fotokopi atau hantaran internet atau intranet, tanpa izin bertulis terlebih dahulu, melainkan dinyatakan sebaliknya, atau diperlukan dalam konteks pelaksanaannya.

ISBN: 978-629-93156-0-5

Penerbit
Jabatan Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan Malaysia
(Kementerian Sumber Manusia)
Aras 1, 3, 4 dan 5, Blok Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya.

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Panduan Menjalankan Pentaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik Di Tapak Pembinaan 2026 ini diterbitkan sebagai rujukan rasmi bagi membantu majikan melaksanakan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya secara sistematik serta memastikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 (Peraturan USECHH).

Kita sedia maklum bahawa tapak pembinaan merupakan persekitaran kerja yang dinamik dan mempunyai pelbagai risiko. Oleh itu, pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam panduan ini bagi memastikan pengurusan risiko yang berkesan serta perlindungan terhadap kesihatan pekerja.

Bagi memastikan kandungan panduan ini kekal relevan dengan perkembangan teknologi, perundangan dan amalan industri pembinaan, semakan semula akan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan serta maklum balas daripada pihak berkepentingan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penggubal yang telah menyumbangkan kepakaran, komitmen dan dedikasi dalam menghasilkan panduan ini. Semoga panduan ini menjadi rujukan yang bermanfaat dalam memperkukuh pematuhan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta meningkatkan perlindungan kesihatan pekerja di tapak pembinaan.

Sekian, terima kasih.



Ir. Ts. HAJAH HAZLINA BINTI YON
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
2026

PENGHARGAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli Jawatankuasa Penggubalan Panduan Menjalankan Pentaksiran Risiko Kepada Kesihatan Secara Generik Di Tapak Pembinaan 2026 atas sumbangan kepakaran, masa, dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan penerbitan panduan ini.

Jawatankuasa penggubalan terdiri daripada:

01 **Ir. Ts. HAJAH HAZLINA BINTI YON (PENGERUSI)**

02 **Ir. Ts. MOHD NORHISYAM BIN OMAR**

03 **Ts. ELAINI BINTI WAHAB**

04 **HAJI MOHD FADHIL BIN HAJI ABU YAZID**

05 **AZUAWATI BINTI ZANAL**

06 **HAZEHA BINTI ABDULLAH**

07 **Ir. Ts. NURUL FATIMAH BAYAH BINTI HARON**

08 **MOHD RADZI BIN ROZIHAD**

09 **NOOR HUWAIDA BINTI YAHAYA**

10 **ANIZA BINTI ALI**

11 **NORHIDAYAH BINTI NAZAMMUDIN**

12 **NOR ZAWANI BINTI ZAINUDDIN**

13 **RIZWANA BINTI RUSLE**

14 **IZAAN MARINA BINTI MOHD ALUWI**



KANDUNGAN

1.0 LATAR BELAKANG ---- 2-3

2.0 MEKANISME PELAKSANAAN ---- 5-7

3.0 PROSEDUR PERMOHONAN ---- 8
3.1 PROSEDUR PERMOHONAN PRAKELULUSAN ---- 8-10
3.2 PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN ---- 11-13
3.3 PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN PENTAKSIRAN SEMULA ---- 14
3.4 PROSEDUR PERMOHONAN PENGESAHAN PERUBAHAN SETELAH MENDAPAT KELULUSAN GENERIK ---- 14

4.0 SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN DAN KRITERIA PEMBATALAN ---- 17
4.1 SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN ---- 17
4.2 KRITERIA PEMBATALAN ---- 18

5.0 CONTOH STRATEGI MENJALANKAN PENTAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK ---- 19-21

6.0 RUJUKAN ---- 23

7.0 LAMPIRAN ---- 24
LAMPIRAN A: CONTOH SURAT PERMOHONAN PRAKELULUSAN MENGGUNA PAKAI PENTAKSIRAN RISIKO KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK ---- 24

LAMPIRAN B1 : MATRIKS PERBANDINGAN PENGGUNAAN BAHAN KIMIA ---- 25-26

LAMPIRAN B2 : MATRIKS PERBANDINGAN PENGGUNAAN BAHAN KIMIA ---- 27-28

LAMPIRAN C: PERNYATAAN KOMITMEN MAJIKAN ATAU PRINSIPAL ---- 29

LAMPIRAN D: SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PRAKELULUSAN MENGGUNA PAKAI PENTAKSIRAN RISIKO KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK ---- 30

LAMPIRAN E : SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KELULUSAN MENGGUNA PAKAI PENTAKSIRAN RISIKO KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK ---- 31

LAMPIRAN F : SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PENGESAHAN PERUBAHAN SETELAH MENDAPAT KELULUSAN GENERIK ---- 32

LAMPIRAN G: SURAT VERIFIKASI TAPAK PEMBINAAN ---- 33-34

LAMPIRAN H: SURAT PENGESAHAN MAJIKAN BAGI TAPAK PEMBINAAN YANG TIDAK DIVERIFIKASI OLEH PENGAPIT ---- 35

LAMPIRAN I: SENARAI BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN DI UNIT KERJA ---- 36

LAMPIRAN J: CONTOH SURAT PERMOHONAN PENGESAHAN PERUBAHAN SETELAH MENDAPAT KELULUSAN GENERIK ---- 37-38

LAMPIRAN K: MATRIKS PERUBAHAN SEBELUM DAN SELEPAS ---- 39-42

LAMPIRAN L : CONTOH SURAT KELULUSAN ---- 43-45



1.0 --- LATAR BELAKANG

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) terpakai kepada semua tempat kerja, termasuk tempat kerja dalam sektor pembinaan (tertakluk kepada pengecualian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Jadual Pertama AKKP 1994.) Selaras dengan Peraturan 9 (1), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 (Peraturan USECHH), seseorang majikan tidak boleh menjalankan apa-apa kerja yang boleh mendedahkan atau mungkin mendedahkan mana-mana pekerja kepada apa-apa bahan kimia berbahaya kepada kesihatan melainkan jika dia telah membuat penaksiran bertulis mengenai risiko yang terhasil daripada bahan kimia itu kepada kesihatan pekerja.

1.2 Dalam konteks pematuhan di tapak pembinaan, mana-mana pihak di tapak pembinaan yang merupakan majikan atau prinsipal sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 *[Akta 514]* hendaklah memastikan pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan telah dijalankan sebelum sebarang kerja yang melibatkan risiko pendedahan kepada bahan kimia berbahaya tersebut dimulakan di tempat kerja mereka.

1.3 Soal selidik yang telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Kimia (BPKimia) semasa Program Dialog antara Pemegang Taruh Berkenaan Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan di Tapak Pembinaan sepanjang tahun 2023, yang diadakan di seluruh Malaysia mendapati sektor yang mencatatkan tahap pematuhan terhadap Peraturan USECHH yang paling rendah ialah sektor pembinaan iaitu sebanyak 38%.

1.4 Panduan ini bertujuan untuk membantu majikan atau prinsipal bagi mendapatkan kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk melaksanakan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik di tapak pembinaan. Pentaksiran ini merupakan asas utama kepada pematuhan USECHH.

1.5 Skop pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik ini akan melibatkan tapak pembinaan semasa (aktif) dan tapak pembinaan yang sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan.

1.6 Objektif pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik di tapak pembinaan ini adalah seperti berikut:

01 • **meningkatkan pematuhan Peraturan USECHH di tapak pembinaan;**

02 • **meningkatkan kesedaran pengurusan bahan kimia berbahaya di tapak pembinaan;**

03 • **mengurangkan risiko kemalangan yang disebabkan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tapak pembinaan;**

04 • **mengurangkan risiko penyakit pekerjaan yang melibatkan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tapak pembinaan; dan**

05 • **menyokong indikator Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2026-2030 (OSHMP30) iaitu keberhasilan intervensi dan penilaian kesihatan pekerjaan yang menyasarkan penyakit pekerjaan di bawah paras 59.8 bagi setiap 100,000 pekerja menjelang tahun 2030.**

2.0 --- **MEKANISME PELAKSANAAN**

3.0 --- **PROSEDUR PERMOHONAN**

2.0 MEKANISME PELAKSANAAN

2.1 Pelaksanaan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik di tapak pembinaan dilaksanakan oleh majikan atau prinsipal yang mempunyai lima (5) atau lebih tapak pembinaan semasa (aktif) dan tapak pembinaan yang sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan.

2.2 Pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik di tapak pembinaan boleh dijalankan bagi kerja pembinaan iaitu pembinaan apa-apa bangunan, kerja kejuruteraan awam atau kerja kejuruteraan sebagaimana tafsiran "kerja pembinaan" di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 (Peraturan CDM).

2.3 Fasa pembinaan meliputi tempoh masa apabila suatu kerja pembinaan bagi suatu projek bermula sehingga kerja pembinaan bagi projek itu selesai sebagaimana tafsiran "fasa pembinaan" di dalam Peraturan CDM.

2.4 Majikan atau prinsipal perlu mengemukakan permohonan untuk menjalankan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik. Pentaksiran hendaklah dijalankan oleh pengapit yang berdaftar dengan JKKP.

2.5 Syarat permohonan untuk menjalankan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik di tapak pembinaan adalah seperti berikut:

(A)	syarikat berfungsi sebagai majikan atau prinsipal;
(B)	skop pembinaan yang sama atau setara;
(C)	syarikat mempunyai lima (5) dan ke atas tapak pembinaan yang setara (semasa permohonan); i) tapak pembinaan perlu mempunyai sijil pemberitahuan kerja pembinaan (JKKP12);
(D)	aktiviti kerja atau tugasan yang sama;
(E)	bahan kimia yang digunakan di tapak pembinaan dalam permohonan mempunyai pengelasan bahaya kesihatan *(health hazard)* yang sama; dan
(F)	penggunaan langkah kawalan yang sama.

2.6 Bagi memastikan pematuhan syarat-syarat permohonan yang disenaraikan pada perkara 2.5, majikan atau prinsipal perlu mengambil perhatian terhadap kebarangkalian perbezaan ketara dalam penggunaan bahan kimia di setiap tapak pembinaan berdasarkan faktor-faktor berikut:

(A) Proses atau peringkat pembinaan;

(B) Kehendak klien dalam reka bentuk dalaman *(Interior Design)*;

(C) Perbezaan bahan kimia yang digunakan bagi setiap tapak pembinaan; dan

(D) Keperluan tambahan kerja-kerja pembaikan.

2.7 Majikan atau prinsipal disarankan mengamalkan pembelian bahan kimia secara berpusat dan menyediakan daftar bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di peringkat awal iaitu semasa penyediaan pelan fasa pembinaan.

2.8 Bagi kerja-kerja kawalan makhluk perosak yang dijalankan di tapak pembinaan, pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah seperti berikut:

(A) Kerja-kerja kawalan makhluk perosak dilaksanakan sendiri oleh kontraktor prinsipal atau kontraktor kerja pembinaan yang dilantik;

i. Majikan atau prinsipal perlu memastikan aktiviti kawalan makhluk perosak yang dijalankan, diambil kira untuk pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik; atau

(B) Kerja-kerja kawalan makhluk perosak dilaksanakan sendiri oleh Pengendali Kawalan Makhluk Perosak *(Pest Control Operator, PCO)*.

i. PCO bertanggungjawab melaksanakan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan bagi aktiviti kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh pekerjanya;

ii. Majikan atau prinsipal perlu memastikan PCO telah menjalankan pentaksiran bahan kimia berbahaya kepada kesihatan bagi kerja-kerja kawalan makhluk perosak serta melampirkan senarai bahan kimia untuk kerja-kerja kawalan makhluk perosak dijalankan di tapak pembinaan.

2.9 Pemohon akan menyediakan senarai unit kerja dan senarai bahan kimia yang digunakan mengikut aktiviti kerja pembinaan dalam bentuk matriks perbandingan bagi membuat permohonan prakelulusan.

2.10 Setelah prakelulusan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik ini diperolehi, majikan atau prinsipal akan bertanggungjawab melakukan verifikasi pentaksiran di tapak pembinaan (berdasarkan skop dan aktiviti kerja) bagi setiap tapak pembinaan. Tujuan verifikasi ini dijalankan ialah bagi memastikan skop pembinaan dan bahan kimia yang digunakan di tapak pembinaan pada setiap unit kerja adalah sama dengan permohonan dan tidak mempunyai bahan kimia tambahan. Perkara ini perlu dilakukan oleh majikan atau prinsipal dari semasa ke semasa.

2.11 Pengapit akan menjalankan pentaksiran penuh untuk setiap aktiviti kerja yang melibatkan penggunaan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan bagi mana-mana tapak pembinaan yang dimiliki oleh pemohon. Walau bagaimanapun, bilangan aktiviti kerja bagi setiap tapak pembinaan tidak semestinya sama.

2.12 Permohonan kelulusan boleh dibuat setelah majikan atau prinsipal selesai menjalankan pentaksiran penuh dan verifikasi di tapak pembinaan.

2.13 Kelulusan generik adalah terpakai bagi mana-mana tapak pembinaan yang telah mendapat kelulusan selagi mana tapak pembinaan tersebut dimiliki oleh majikan atau prinsipal sepertimana di dalam surat kelulusan.

2.14 Pertukaran kontraktor kerja pembinaan yang menjalankan aktiviti kerja bagi pihak majikan atau prinsipal yang dilantik, dibenarkan mengikut aktiviti kerja yang dilakukan di tapak pembinaan dan tidak akan menjejaskan kelulusan yang diberikan kepada majikan atau prinsipal tersebut dengan syarat skop pembinaan dan bahan kimia yang digunakan adalah sama.

3.0 PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 PROSEDUR PERMOHONAN PRAKELULUSAN

3.1.1 Pemohon perlu membuat tapisan kendiri bagi memastikan syarat permohonan yang dinyatakan dalam perenggan 2.5 dipenuhi.

3.1.2 Permohonan prakelulusan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
(Kementerian Sumber Manusia)
Aras 1, 3, 4 dan 5, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya.



3.1.3 Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

(A) **Surat permohonan. Contoh surat permohonan prakelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik seperti di Lampiran A;**

(B) **cadangan dan strategi menjalankan pentaksiran penuh di tapak pembinaan yang dipilih;**

(C) **cadangan dan strategi menjalankan pentaksiran generik bagi skop pembinaan yang dimohon berdasarkan aktiviti kerja dan bahan kimia yang digunakan;**

(D) **cadangan dan strategi verifikasi tapak pembinaan meliputi:**
i. bilangan tapak pembinaan yang diverifikasi oleh pengapit; dan
ii. bilangan tapak pembinaan yang tidak diverifikasi oleh pengapit dan disahkan oleh majikan atau prinsipal.

(E) **carta perbatuan pelaksanaan (selama tiga (3) bulan daripada tarikh surat prakelulusan);**

(F) **senarai tapak pembinaan beserta nombor tapak pembinaan dan alamat penuh;**

(G) **matriks perbandingan penggunaan bahan kimia yang merangkumi senarai tapak dan aktiviti kerja pembinaan, nama dan purata kuantiti semua bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang digunakan seperti di Lampiran B1 atau B2;**

(H) **unit kerja dan tugasan yang terlibat;**

(I) **carta alir kerja yang terlibat;**

(J) **prosedur kerja yang terlibat;**

(K) **pernyataan komitmen majikan atau prinsipal secara bertulis daripada pengurusan tertinggi seperti di Lampiran C; dan**

(L) **salinan Dasar Keselamatan dan Kesihatan yang disahkan.**

3.1.4 Senarai semak dokumen permohonan prakelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah seperti di **Lampiran D.**

3.1.5 Bagi setiap permohonan yang lengkap, pemohon boleh dijemput untuk hadir sesi pembentangan jika permohonan perlu penjelasan lanjut, atau jika diarahkan sebagai sebahagian daripada proses tapisan permohonan prakelulusan.

3.1.6 Dokumen tambahan perlu dikemukakan jika diminta oleh pegawai JKKP dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat maklumbalas dikeluarkan kepada pemohon.

3.1.7 Surat prakelulusan akan dikeluarkan jika permohonan telah lulus tapisan.

3.1.8 Pemohon perlu mula menjalankan pentaksiran dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas surat prakelulusan dikeluarkan. Sekiranya pentaksiran tidak mula dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan, prakelulusan akan terbatal.

3.1.9 Pengapit yang dilantik perlu melawat tapak pembinaan seperti dinyatakan dalam surat prakelulusan bagi tujuan verifikasi.

3.1.10 Bagi tapak pembinaan yang tidak diverifikasi oleh pengapit, majikan atau prinsipal perlu membuat pengesahan.

3.1.11 Pemohon perlu selesai menjalankan pentaksiran, verifikasi oleh pengapit dan pengesahan oleh majikan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas prakelulusan dikeluarkan. Sekiranya perkara di atas tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, prakelulusan akan terbatal.

3.1.12 Carta alir permohonan prakelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah seperti dalam **Rajah 1.**



Rajah 1:

Carta Alir Permohonan Prakelulusan Mengguna Pakai Pentaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik

3.2 PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN

3.2.1 Apabila selesai menjalankan perkara seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3.1.11, pemohon perlu membuat tapisan kendiri bagi memastikan dokumen dikemukakan adalah lengkap bagi permohonan kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik.

3.2.2 Permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
(Kementerian Sumber Manusia)
Aras 1, 3, 4 dan 5, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya.



3.2.3 Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

(A) **Senarai unit kerja dan senarai bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang digunakan berdasarkan skop kerja dan aktiviti-aktiviti kerja pembinaan bagi mana-mana tapak pembinaan yang dimiliki oleh pemohon seperti di Lampiran B1 atau B2;**

(B) **Semua laporan pentaksiran penuh bagi sampel tapak pembinaan yang dipilih;**

(C) **Laporan pentaksiran secara generik yang mewakili semua tapak pembinaan yang termasuk dalam senarai permohonan;**

(D) **Surat verifikasi tapak pembinaan seperti di Lampiran G; dan**

(E) **Surat pengesahan majikan bagi setiap tapak pembinaan yang tidak diverifikasi oleh pengapit seperti di Lampiran H;**

3.2.4 Senarai semak dokumen permohonan kelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah seperti di **Lampiran E.**

3.2.5 Pemohon perlu hadir sesi pembentangan atau pegawai akan membuat verifikasi di tempat kerja atau kedua-dua sekali sebagai sebahagian daripada proses kelulusan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik.

3.2.6 Surat kelulusan akan dikeluarkan bagi permohonan yang lengkap dan memuaskan.

3.2.7 Surat kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik bagi tapak pembinaan mengandungi maklumat berikut tetapi tidak terhad kepada:

(A) **nama syarikat majikan atau prinsipal;**

(B) **kategori syarikat (sama ada majikan atau prinsipal);**

(C) **skop kerja pembinaan;**

(D) **senarai aktiviti kerja pembinaan yang setara;**

(E) **bilangan Tapak Pembinaan;**

(F) **bilangan laporan penuh pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan;**

(G) **bilangan tapak pembinaan yang memperolehi kelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik; dan**

(H) **nombor tapak pembinaan dan lokasi tapak pembinaan.**

3.2.8 Kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik ini adalah berkuat kuasa dari tarikh surat kelulusan ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

3.2.9 Majikan atau prinsipal yang tersenarai dalam kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik hendaklah melaksanakan tindakan kawalan berdasarkan laporan pentaksiran tersebut dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima laporan daripada pengapit.

3.2.10 Carta alir permohonan kelulusan mengguna pakai pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah seperti dalam **Rajah 2.**



Rajah 2:

Carta Alir Permohonan Kelulusan Mengguna Pakai Pentaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik

3.3 PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN PENTAKSIRAN SEMULA

3.3.1 Bagi permohonan kelulusan pentaksiran semula mengguna pakai kaedah pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik, pemohon perlu membuat permohonan semula iaitu permohonan prakelulusan dan permohonan kelulusan seperti prosedur yang dinyatakan pada perenggan 3.1 dan 3.2.

3.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat kesahan kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik yang terdahulu.

3.4 PROSEDUR PERMOHONAN PENGESAHAN PERUBAHAN SETELAH MENDAPAT KELULUSAN GENERIK

3.4.1 Sekiranya berlaku perubahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, aktiviti kerja atau langkah kawalan yang mempengaruhi keputusan risiko, kecukupan langkah-langkah kawalan atau kesimpulan pentaksiran, kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik hanya akan terbatal bagi tapak pembinaan yang berlaku perubahan sahaja. Majikan atau prinsipal perlu melaksanakan pentaksiran semula bagi tapak pembinaan berkenaan.

3.4.2 Sekiranya terdapat perubahan yang tidak mempengaruhi keputusan risiko, kecukupan langkah-langkah kawalan atau kesimpulan pentaksiran, pemohon perlu mengemukakan permohonan pengesahan kepada JKKP. Sila rujuk **Rajah 3** bagi carta alir permohonan tersebut.

3.4.3 Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti senarai semak di **Lampiran F.** Dokumen tersebut adalah seperti berikut:

(A) **surat permohonan pengesahan. Contoh surat seperti di Lampiran J;**

(B) **matriks perubahan sebelum dan selepas dari segi proses, kelengkapan, bahan atau langkah kawalan seperti di Lampiran K; dan**

(C) **dokumen sokongan berkaitan.**

3.4.4 Pemohon perlu hadir sesi pembentangan atau pegawai akan membuat verifikasi di tempat kerja atau kedua-duanya sekali mengikut keperluan sebagai sebahagian daripada permohonan pengesahan perubahan tersebut.

3.4.5 Keputusan permohonan akan dikeluarkan oleh JKKP bagi mengesahkan sama ada terdapat perubahan yang ketara atau tidak. Sekiranya terdapat perubahan ketara, surat kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik yang dikeluarkan sebelum ini bagi tapak pembinaan terbabit sahaja adalah terbatal.

3.4.6 Pemohon perlu melaksanakan tindakan berdasarkan keputusan JKKP dan menjalankan pentaksiran semula untuk tapak pembinaan yang terbatal.



Rajah 3:

Carta Alir Permohonan Pengesahan Perubahan Setelah Mendapat Kelulusan Generik

4.0 --- **SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN DAN KRITERIA PEMBATALAN**

5.0 --- **CONTOH STRATEGI MENJALANKAN PENTAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK**

4.0 SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN DAN KRITERIA PEMBATALAN

4.1 SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN

4.1.1 Kelulusan bagi permohonan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

(A) **Kelulusan hanya terpakai untuk projek yang dikendalikan oleh majikan atau prinsipal sahaja. Sekiranya syarikat bertindak sebagai kontraktor kerja pembinaan di sesuatu projek, syarikat tersebut hendaklah menggunakan kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik yang telah dikeluarkan kepada majikan atau prinsipal berkenaan;**



(B) **Salinan laporan pentaksiran tersebut hendaklah disimpan di semua tapak pembinaan sebagai rujukan bagi pelaksanaan dan pematuhan oleh semua pihak yang terlibat di tapak pembinaan berkaitan;**



(C) **Laporan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik hendaklah ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi dalam syarikat (majikan atau prinsipal) bagi pelaksanaan dan pemantauan sistem kawalan risiko yang dicadangkan oleh pengapit;**



(D) **Tempoh kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik adalah selama lima (5) tahun berkuat kuasa dari tarikh surat kelulusan ditandatangani oleh Ketua Pengarah.**



4.2 **KRITERIA PEMBATALAN**

4.2.1 Kelulusan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik akan terbatal sekiranya:

(A) **berlaku perubahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, aktiviti kerja atau langkah kawalan yang mempengaruhi keputusan pentaksiran risiko, kecukupan langkah-langkah kawalan atau kesimpulan pentaksiran;**



(B) **tidak mematuhi mana-mana syarat permohonan prakelulusan yang dinyatakan dalam perenggan 2.5;**



(C) **tempoh kelulusan melebihi lima (5) tahun dari tarikh kelulusan dikeluarkan; atau**



(D) **diarahkan oleh Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah JKKP.**



5.0 CONTOH STRATEGI MENJALANKAN PENTAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN SECARA GENERIK

5.1 Pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik tidak boleh dijalankan sekiranya majikan atau prinsipal mempunyai kurang daripada lima (5) tapak pembinaan sahaja. Syarikat perlu menjalankan pentaksiran penuh.

5.2 Cadangan strategi pentaksiran penuh, verifikasi tempat kerja dan pengesahan majikan adalah bergantung kepada matriks perbandingan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang dikemukakan dan tidak terhad kepada contoh situasi di perenggan 5.3.

5.3 Berikut adalah contoh situasi skop pembinaan yang sama atau setara bagi pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik:

Contoh Situasi 1 — PROJEK PEMBINAAN PANGSAPURI BLOK BERTINGKAT TINGGI DENGAN KEMUDAHAN TAMBAHAN

Bilangan tapak pembinaan	: **5 tapak pembinaan**
Pentaksiran penuh tapak pembinaan dan laporan oleh pengapit	: **1 tapak pembinaan atau lebih bergantung kepada aktiviti kerja pembinaan**
Verifikasi oleh pengapit	: **2 tapak pembinaan atau lebih**
Pengesahan oleh pengurusan tapak pembinaan	
Laporan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik	: **1 laporan**

Contoh Situasi 2 — PROJEK PEMBINAAN RUMAH TERES SUPERLINK DENGAN KEMUDAHAN TAMBAHAN

Bilangan tapak pembinaan	: **14 tapak** pembinaan
Pentaksiran penuh tapak pembinaan dan laporan oleh pengapit	: **2 tapak** pembinaan atau lebih bergantung kepada aktiviti kerja pembinaan
Verifikasi oleh pengapit	: **2 tapak** pembinaan atau lebih
Pengesahan oleh pengurusan tapak pembinaan	: **10 tapak** pembinaan atau lebih
Laporan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik	: **1** laporan

Contoh Situasi 3 — PROJEK PEMBINAAN KUARTERS PERSEKUTUAN JENIS A

Bilangan tapak pembinaan	: **8 tapak** pembinaan
Pentaksiran penuh tapak pembinaan dan laporan oleh pengapit	: **2 tapak** pembinaan atau lebih bergantung kepada aktiviti kerja pembinaan
Verifikasi oleh pengapit	: **2 tapak** pembinaan atau lebih
Pengesahan oleh pengurusan tapak pembinaan	: **4 tapak** pembinaan atau lebih
Laporan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik	: **1** laporan

5.4 Berikut adalah contoh situasi skop pembinaan yang sama atau setara bagi pelaksanaan pentaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik yang mempunyai pelbagai kategori kerja pembinaan:

Contoh Situasi 4 — PROJEK PEMBINAAN LANDASAN KERETAPI DAN PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA

Bilangan tapak pembinaan	: **3 tapak** pembinaan Landasan Keretapi dan **3 tapak** Pembinaan Lebuhraya
Pentaksiran penuh tapak pembinaan dan laporan oleh pengapit	: **1 atau lebih** tapak pembinaan landasan keretapi dan **1 atau lebih** tapak pembinaan lebuhraya.
Verifikasi oleh pengapit	
Pengesahan oleh pengurusan tapak pembinaan	
Laporan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik	: **2 laporan** (1 tapak pembinaan Landasan Keretapi dan 1 Tapak Pembinaan Lebuhraya)

Contoh Situasi 5 — PROJEK PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN DAN PROJEK PEROBOHAN BANGUNAN

Bilangan tapak pembinaan	: **7 tapak** pengubahsuaian bangunan dan **3 tapak** perobohan bangunan.
Pentaksiran penuh tapak pembinaan dan laporan oleh pengapit	: **2 atau lebih** tapak pengubahsuaian bangunan dan **1 atau lebih** tapak perobohan bangunan.
Verifikasi oleh pengapit	
Pengesahan oleh pengurusan tapak pembinaan	: **3 atau lebih** tapak pengubahsuaian bangunan dan **1 atau lebih** tapak perobohan bangunan.
Laporan pentaksiran risiko kepada kesihatan secara generik	: **2 laporan** (1 tapak pengubahsuaian bangunan dan 1 tapak perobohan bangunan).

6.0 --- **RUJUKAN**

7.0 --- **LAMPIRAN**

6.0 RUJUKAN

1. AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 *[AKTA 514];*

2. Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 *[P.U.(A) 2000].*

3. Peraturan-peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan Dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013 *[P.U.(A) 128/2013].*

4. Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk Dan Pengurusan) 2024 *[P.U.(A) 147/2024].*

